

MIC perlu bantuan kerajaan tangani gejala sosial masyarakat

BH, 20 MAY 2002

MIC memerlukan bantuan kerajaan untuk merangka strategi berkesan membanteras masalah sosial di kalangan masyarakat India, khususnya keganasan dan jenayah.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata melalui bantuan kerajaan, MIC boleh menyediakan lebih banyak peluang dalam sektor perniagaan dan keusahawanan selain peluang melanjutkan pelajaran ke institut pendidikan tinggi.

Beliau berkata, perkembangan dunia moden yang mementingkan globalisasi dan liberalisasi ekonomi serta ekonomi berasaskan pengetahuan (k-Ekonomi) menuntut masyarakat India melengkapkan diri dengan ilmu baru itu jika mahu menjadi rakyat yang mampu menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

"Masyarakat India memerlukan tiga faktor penggerak k-Ekonomi bagi meningkatkan tahap sosio ekonomi mereka iaitu modal kewangan, modal pengetahuan dan modal sosial yang hanya mampu disediakan secara sempurna oleh kerajaan

Barisan Nasional (BN) yang selama ini mendapat sokongan padu masyarakat India.

"Sebagai anggota komponen BN, MIC mempunyai tanggungjawab untuk membuat permintaan ini dan kami yakin kerajaan akan melakukan penyesuaian yang sewajarnya supaya masyarakat India diberi bantuan ini, lebih-lebih lagi apabila Perjanjian Perdagangan Bebas Asean (Afta) berkuat kuasa pada 2003.

"Pada masa sekarang, satu pertiga daripada tenaga kerja masih tidak mencapai tahap pendidikan, kebolehan dan kemahiran yang diperlukan oleh k-Ekonomi kerana kebanyakan rakyat memasuki alam pekerjaan selepas tamat pendidikan sekolah menengah dan hanya 14.6 peratus daripada tenaga kerja negara kini berpendidikan tinggi," katanya dalam ucapan dasar sempena Perhimpunan Agung MIC Ke-56 di sini, semalam.

Perhimpunan dua hari bermula kelmarin, dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, kerana beliau baru pulang

dari lawatan rasminya ke Amerika Syarikat.

Selain kira-kira 400 pemerhati dan jemputan khas, 1,460 perwakilan mewakili 4,640 cawangan dari seluruh negara, merangkumi keahlian 580,680 orang, menghadiri majlis perasmian semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamad Khir Toyo dan pemimpin beberapa parti komponen BN.

Samy Vellu dalam ucapan dasarnya, mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dan kerajaan BN kerana memberi keutamaan dan menerima pakai cadangan MIC, yang turut memberi pendapat dalam merancang cara memperbaiki mutu hidup rakyat, terutama masyarakat India.

Bagaimanapun, beliau berkata, masih ada beberapa aspek yang memerlukan bantuan lebih khusus kerajaan, umpamanya menyediakan peluang melanjutkan pendidikan tinggi, terutama bagi pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

"Walaupun menyokong sistem pengambilan pelaj-

jar berdasarkan meritokrasi, MIC berpendapat pelajar India belum bersedia untuknya lagi kerana latar belakang sosio ekonomi mereka masih lemah dan perlu sedikit masa lagi bagi menyediakan diri menghadapi cabaran ini bagi bersaing dengan kaum lain untuk memasuki IPTA.

"Menyedari hakikat ini, MIC juga memulakan projek pembinaan Institut Sains, Perubatan dan Teknologi Asia (AIMST) bagi menyediakan peluang melanjutkan pendidikan kepada semua kaum, khususnya pelajar India. MIC juga berterima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan RM50 juta untuk pembinaan institusi itu.

"Dengan adanya peluang pembelajaran baru ini, jurang pengetahuan pelajar India dengan kaum lain, terutama dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dapat diatasi," katanya.

Pada masa yang sama, beliau turut memaklumkan bahawa kerajaan memperuntukkan RM13.9 juta tahun lalu untuk membina semula 13 sekolah Tamil di seluruh negara di mana tujuh sudah

siap dibina.

Daripada keseluruhan 522 sekolah Tamil di seluruh negara, 65 sudah dibina semula di bawah program yang diselaras Kementerian Pendidikan tetapi 136 lagi masih memerlukan bantuan kerajaan dalam bentuk peruntukan tahunan untuk menaik taraf infrastruktur sekolah berkenaan.

Selain itu, Samy Vellu juga meminta kerajaan campur tangan dalam masalah gaji bulanan pekerja sektor perladangan getah yang belum berkesudahan berikutan kegagalan Persatuan Pengekuar Pertanian Malaysia (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) mencapai sebarang persefahaman mengenai kadar gaji yang sesuai walaupun sudah dua tahun berbincang.

Jelas beliau, kadar gaji rendah itu menjadi pendorong kepada pekerja ladang berhijrah ke bandar walaupun tidak memiliki kemahiran bekerja dan akhirnya hidup merempat di kawasan setinggan dengan menjadi buruh kasar atau terjerumus dalam kancah jenayah.